

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG  
KAWASAN : KLUANG  
NO. SOALAN : 323

YB. TUAN LIEW CHIN TONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- a) berapa jumlah / anggaran penggunaan keluli Malaysia dari tahun 1998 hingga 2013 dengan pecahan hasil pengeluaran tempatan dan import. Nyatakan negara-negara yang mengeksport keluli ke Malaysia dan pelabuhan manakah yang digunakan untuk pengimportan keluli; dan
- b) apakah polisi kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan untuk menjamin kemapanan industri keluli tempatan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah penggunaan keluli Malaysia dari tahun 1998 hingga 2013 (dengan pecahan hasil pengeluaran tempatan dan import) adalah seperti berikut:

**Penggunaan Keluli di Malaysia:**  
**Apparent Steel Consumption (ASC) (MT)**

Tahun	Pengeluaran	Import	Eksport	Penggunaan (ASC)
1998	2,170,000	3,042,595	1,125,097	4,087,498
1999	2,703,000	4,453,837	1,513,453	5,643,384
2000	3,706,517	4,042,539	1,535,796	6,213,260
2001	4,103,000	4,807,921	1,516,707	7,394,214
2002	4,414,000	3,940,039	1,293,044	7,060,995
2003	4,603,417	3,354,551	1,763,776	6,194,192
2004	5,519,000	3,964,365	2,345,452	7,137,913
2005	5,034,500	4,257,503	2,466,009	6,825,994
2006	5,725,000	3,794,637	2,740,179	6,779,458
2007	5,855,000	4,552,402	2,712,908	7,694,494
2008	5,761,511	4,419,400	1,690,363	8,490,548
2009	5,102,547	3,610,954	2,068,503	6,644,998
2010	4,966,917	4,817,748	1,470,372	8,314,293
2011	5,110,949	4,684,374	1,557,819	8,237,504
2012	4,953,696	5,416,415	1,448,483	8,921,628
2013	4,979,701	6,269,172	1,200,106	10,048,767

Sumber: Persekutuan Industri Besi dan Keluli Malaysia (MISIF)

Sumber import utama adalah dari China, Jepun, Korea, Taiwan serta negara-negara ASEAN seperti Thailand dan Vietnam. Di antara pelabuhan-pelabuhan utama yang digunakan bagi mengimport keluli adalah Pelabuhan Klang di Selangor, Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di Pulau Pinang dan Pelabuhan Pasir Gudang.

Berikutnya peningkatan import produk-produk keluli sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan pada bulan Jun 2012 telah melaksanakan pendekatan ‘tanggungjawab bersama’ bagi meningkatkan keupayaan, daya saing dan daya tahan industry besi dan keluli tempatan. Melalui pendekatan ini, Kerajaan bersama industry telah memperkenalkan beberapa dasar dan peraturan seperti berikut:

- (i) Kemudahan pengecualian duti import telah diperketatkan di mana berkuat kuasa 1 Februari 2013, bahan mentah tertentu yang dikenal pasti yang digunakan untuk mengeluarkan barang siap bagi pasaran tempatan tidak akan diberi pengecualian duti import. Pengimportan gred-gred ini akan dikenakan duti import sebanyak 20%.
- (ii) Industri pertengahan dan hiliran besi dan keluli digalakkan memperoleh bahan mentah yang diperlukan daripada pengeluar tempatan.
- (iii) Prosedur pengimportan produk besi dan keluli diperketatkan melalui penguatkuasaan:
  - (a) Pematuhan standard melalui Certificate of Approval (COA) bermula 22 Ogos 2013; dan
  - (b) Keperluan Lesen Import (AP) untuk produk besi kepingan (HS7225) dan produk besi panjang (HS7227) yang mengandungi elemen boron.

Bagi merancang dan memantau pelaksanaan dasar-dasar bagi meningkatkan keupayaan, daya saing dan daya tahan industri besi dan keluli tempatan, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Keluli Negara (MSC) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. MSC disokong oleh Jawatankuasa Teknikal (TC) dan 5 Kumpulan Kerja yang turut diwakili oleh pihak industri.

Kerajaan juga telah menubuhkan *Malaysia Steel Institute* (MSI) sebagai *think-tank* untuk membantu Kerajaan dalam merancang pembangunan industri besi dan keluli. Di samping itu, MSI turut menyediakan khidmat nasihat bagi remedi perdagangan dan pembangunan modal insan bagi industri besi dan keluli. MSI telah mula beroperasi mulai bulan Januari 2014.

Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak industri bagi memastikan pembangunan industri besi dan keluli tempatan. Walau bagaimanapun, dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan, pihak industri perlu peka dengan perkembangan semasa serta merangka strategi perniagaan yang boleh menjamin daya saing dalam jangka masa panjang.

Sebarang langkah yang diambil oleh Kerajaan perlulah adil dan selaras dengan ketetapan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Ini adalah penting untuk menjamin imej Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang adil serta destinasi pelaburan yang kondusif terus dipelihara.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2014  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG  
(GELANG PATAH)**

**SOALAN : 324**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan jumlah perbelanjaan untuk tujuan pengangkutan dan kos asrama bagi murid dan pelajar Orang Asli ke Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah untuk 10 tahun yang lepas mengikut kategori dan pecahan negeri.

## **JAWAPAN**

Tuan yang dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh 10 tahun jumlah perbelanjaan untuk tujuan pengangkutan dan kos asrama bagi murid Orang Asli ke sekolah rendah dan sekolah menengah yang disediakan oleh pihak Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) adalah sebanyak RM109.2 juta. Daripada jumlah tersebut RM93 juta adalah perbelanjaan bagi tujuan pengangkutan, manakala RM16.2 juta bagi perbelanjaan kos asrama. Perbelanjaan mengikut kategori dan pecahan mengikut negeri adalah seperti di lampiran.

**Lampiran 1**

**PERBELANJAAN PENGANGKUTAN BAGI PELAJAR ORANG ASLI  
SEKOLAH RENDAH & MENENGAH  
TAHUN 2005-2014**

<b>NEGERI</b>	<b>2005 (RM)</b>	<b>2006 (RM)</b>	<b>2007 (RM)</b>	<b>2008 (RM)</b>	<b>2009 (RM)</b>	<b>2010 (RM)</b>	<b>2011 (RM)</b>	<b>2012 (RM)</b>	<b>2013 (RM)</b>	<b>2014 (RM)</b>
<b>JOHOR</b>	811,311	854,011	898,959	956,340	1,039,500	1,155,000	1,297,870	1,513,000	1,895,517	1,950,136
<b>KELANTAN/ TERENGGANU</b>	814,823	857,708	912,456	991,800	1,002,820	1,102,000	880,703	1,389,000	1,922,278	2,897,500
<b>NEGERI SEMBOLAN / MELAKA</b>	588,000	592,230	623,400	663,193	720,861	792,156	828,491	1,014,977	1,112,472	1,321,001
<b>PAHANG</b>	2,158,092	2,271,676	2,391,238	2,517,093	2,649,571	2,789,023	2,825,334	3,442,000	2,893,609	4,949,615
<b>PERAK/KEDAH</b>	1,289,622	1,357,497	1,428,944	1,504,152	1,583,318	1,666,561	1,699,774	2,711,000	2,409,609	2,661,901
<b>SELANGOR/W PERSEKUTUAN</b>	909,527	957,397	1,007,787	1,060,828	1,128,541	1,213,485	1,249,818	1,626,700	1,609,883	1,679,300
<b>JUMLAH</b>	<b>6,571,375</b>	<b>6,890,519</b>	<b>7,262,784</b>	<b>7,693,406</b>	<b>8,124,611</b>	<b>8,718,225</b>	<b>8,781,990</b>	<b>11,696,677</b>	<b>11,843,368</b>	<b>15,459,453</b>

**Lampiran 2**

**PERBELANJAAN KEPERLUAN ASRAMA BAGI PELAJAR ORANG ASLI  
SEKOLAH RENDAH & MENENGAH  
TAHUN 2005-2014**

<b>NEGERI</b>	<b>2005 (RM)</b>	<b>2006 (RM)</b>	<b>2007 (RM)</b>	<b>2008 (RM)</b>	<b>2009 (RM)</b>	<b>2010 (RM)</b>	<b>2011 (RM)</b>	<b>2012 (RM)</b>	<b>2013 (RM)</b>	<b>2014 (RM)</b>
<b>JOHOR</b>	11,877	11,204	12,714	12,814	13,008	13,224	15,314	16,614	18,215	17,553
<b>KELANTAN/ TERENGGANU</b>	301,800	289,002	301,455	375,085	402,000	844,368	1,029,612	1,660,239	1,987,693	1,987,693
<b>NEGERI SEMBOLAN / MELAKA</b>	23,805	25,455	24,704	26,892	26,300	23,805	25,892	27,522	26,342	29,850
<b>PAHANG</b>	520,889	531,256	522,942	540,578	560,540	580,615	622,066	457,751	709,836	806,597
<b>PERAK/KEDAH</b>	22,703	24,834	25,030	35,071	29,096	79,365.20	61,728	55,796	144,454	49,950
<b>SELANGOR/W PERSEKUTUAN</b>	20,522	22,745	22,902	29,518	26,597	22,089	30,050	28,711	25,030	29,000
<b>JUMLAH</b>	<b>901,596</b>	<b>904,496</b>	<b>909,747</b>	<b>1,019,958</b>	<b>1,057,541</b>	<b>1,563,466</b>	<b>1,784,662</b>	<b>2,246,633</b>	<b>2,911,570</b>	<b>2,920,643</b>

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2014  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG  
(GELANG PATAH)**

**SOALAN : 325**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan anggaran murid Orang Asli yang berada pada lingkungan umur sekolah yang tidak didaftarkan ataupun telah tercicir dari sekolah mengikut pecahan negeri untuk 10 tahun yang lepas.

## **JAWAPAN**

Tuan yang dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh 10 tahun seramai 26,264 pelajar telah didaftarkan. Daripada jumlah tersebut seramai 14,481 orang pelajar telah menamatkan pendidikan sehingga tingkatan 5, manakala bilangan pelajar yang tercicir adalah seramai 11,783 orang pelajar. Pecahan kecinciran pelajar mengikut negeri untuk 10 tahun yang lepas adalah seperti di lampiran.

**KECICIRAN PELAJAR ORANG ASLI**  
**( TIDAK MENAMATKAN PENDIDIKAN SEHINGGA TINGKATAN 5)**  
**DARI TAHUN 2004 HINGGA 2013**

<b>NEGERI : JOHOR</b>				
<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN DAFTAR</b>	<b>BILANGAN TAMAT</b>	<b>KECICIRAN</b>	<b>PERATUS KECICIRAN</b>
2004	172	164	8	4.65%
2005	195	155	40	20.51%
2006	211	132	79	37.44%
2007	182	127	55	30.22%
2008	192	126	66	34.38%
2009	162	134	28	17.28%
2010	179	163	16	8.94%
2011	198	177	21	10.61%
2012	218	175	43	19.72%
2013	198	178	20	10.10%

**NEGERI : KELANTAN & TERENGGANU**

TAHUN	BILANGAN DAFTAR	BILANGAN TAMAT	KECIRIAN	PERATUS KECIRIAN
2004	298	18	280	93.96%
2005	235	40	195	82.98%
2006	124	65	59	47.58%
2007	229	58	171	74.67%
2008	214	83	131	61.21%
2009	198	97	101	51.01%
2010	230	123	107	46.52%
2011	277	172	105	37.91%
2012	343	247	96	27.99%
2013	314	159	155	49.36%

**NEGERI - NEGERI SEMBILAN & MELAKA**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN DAFTAR</b>	<b>BILANGAN TAMAT</b>	<b>KECICIRAN</b>	<b>PERATUS KECICIRAN</b>
2004	145	52	93	64.14%
2005	158	68	90	56.96%
2006	175	72	103	58.86%
2007	163	62	101	61.96%
2008	172	65	107	62.21%
2009	168	63	105	32.50%
2010	149	61	88	59.06%
2011	188	95	93	49.47%
2012	208	128	80	38.46%
2013	151	118	33	21.85%

**NEGERI : PAHANG**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN DAFTAR</b>	<b>BILANGAN TAMAT</b>	<b>KECICIRAN</b>	<b>PERATUS KECICIRAN</b>
2004	633	414	219	34.60%
2005	612	459	153	25.00%
2006	614	219	395	64.33%
2007	572	384	188	32.87%
2008	655	297	358	54.66%
2009	769	519	250	32.51%
2010	875	553	322	36.80%
2011	792	527	265	33.46%
2012	1,071	497	574	53.59%
2013	1,232	634	598	48.54%

**NEGERI : PERAK & KEDAH**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN DAFTAR</b>	<b>BILANGAN TAMAT</b>	<b>KECICIRAN</b>	<b>PERATUS KECICIRAN</b>
2004	552	180	372	67.39%
2005	322	221	101	31.37%
2006	578	473	105	18.17%
2007	672	470	202	30.06%
2008	873	565	308	35.28%
2009	891	439	452	50.73%
2010	906	797	109	45.14%
2011	984	515	469	47.66%
2012	883	558	325	36.81%
2013	993	632	361	36.35%

**NEGERI : SELANGOR & W.P**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN DAFTAR</b>	<b>BILANGAN TAMAT</b>	<b>KECICIRAN</b>	<b>PERATUS KECICIRAN</b>
2004	215	121	94	43.72%
2005	110	50	60	54.55%
2006	102	56	46	45.10%
2007	115	60	55	47.83%
2008	159	80	79	49.69%
2009	327	224	103	43.46%
2010	256	110	146	57.03%
2011	319	141	178	55.80%
2012	248	162	86	34.68%
2013	344	220	124	36.04%

## Maklumat Tambahan

### KECICIRAN PELAJAR ORANG ASLI SEKOLAH

(TIDAK MENAMATKAN PENDIDIKAN SEHINGGA TINGKATAN 5)

DARI TAHUN 2004 HINGGA 2014

BILANGAN DAFTAR TINGKATAN 1		TAMAT TINGKATAN 5		BILANGAN CICIR MURID	PERATUS KECICIRAN (%)
TAHUN DAFTAR	BILANGAN DAFTAR	TAHUN TAMAT	BILANGAN TAMAT		
2000	2,075	2004	941	1,134	54.65%
2001	1,659	2005	964	695	41.89%
2002	1,882	2006	1,011	871	46.28%
2003	1,869	2007	1,183	686	36.70%
2004	2,261	2008	1,189	1,072	47.41%
2005	2,358	2009	1,181	1,177	49.92%
2006	2,586	2010	1,403	1,183	45.75%
2007	2,685	2011	1,667	1,018	37.91%
2008	2,726	2012	1,555	1,171	42.96%
2009	3,018	2013	1,533	1,485	49.20%
<b>2010</b>	<b>3,145</b>	<b>2014</b>	<b>1,854</b>	<b>1,291</b>	<b>41.05%</b>